

Laporan Maklum Balas Penilaian Sistem Pendidikan Kebangsaan Dijangka Siap Tiga Bulan Lagi
Bernama
9 April, 2012

BANGI, 9 April (Bernama) -- Laporan maklum balas berhubung penilaian semula sistem pendidikan kebangsaan dijangka siap dalam tempoh tiga bulan lagi, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata sesi dialog bagi mendapatkan maklum balas itu akan dimulai dengan kepimpinan Kementerian Pelajaran dan disusuli dengan Majlis Pengetua Sekolah, Guru Besar, Kesatuan Guru, Pegawai Pelajaran Daerah dan guru sebelum diadakan dialog terbuka untuk umum.

"Kita hendak pihak kepimpinan kementerian faham dahulu apakah tujuan sebenar kajian dibuat...yang pasti semua pandangan akan diambil kira," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Dialog Nasional Pendidikan Negara dan melancarkan laman web Dialog Nasional Pendidikan Negara di sini pada Isnin.

Beliau berkata mereka yang berminat untuk menyertai dialog itu amat dialu-alukan dan boleh berdaftar menerusi laman web yang disediakan.

Muhyiddin berkata sekurang-kurangnya satu sesi dialog akan diadakan di setiap negeri sebelum semua maklum balas dikumpul dan dianalisis.

Beliau berkata pandangan pakar dalam bidang pendidikan dari luar negara antaranya Kanada, Korea Selatan dan Singapura juga diambil kira dalam penilaian itu.

"Jadi saya belum boleh jangkakan apakah hasil laporan tersebut tapi kita sudah kenal pasti sembilan bidang keutamaan yang akan dibincang serta dibahaskan dalam sesi dialog," katanya.

Ditanya sama ada hasil laporan itu bakal mewujudkan satu dasar baru, Muhyiddin berkata dasar sedia ada sudah baik tetapi kalau ada beberapa perkara dalam dasar itu yang perlu diubah suai tanpa menjejaskan falsafah dan matlamat pendidikan negara, mungkin boleh dilakukan.

"Kalau ia melibatkan peruntukan dalam akta maka kita terpaksa kaji dahulu dan perlu dibawa kepada pihak kerajaan, tapi tak mengapa kita terima dulu semua pandangan kerana kita nak amalkan sikap terbuka dan tidak mahu menyekat apa jua pandangan yang diberikan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Timbalan Perdana Menteri berkata transformasi pendidikan seharusnya memberi impak yang besar kepada kemenjadian murid dan bukanlah sekadar menempel-tampal dan membaik-pulih model pendidikan, sebaliknya ia perlu lonjakan besar atau perubahan total.

"Adakah wajar untuk kita kekalkan sistem itu untuk melalui masa depan yang mencabar? Umpama sebuah kereta lama yang dicat baru. Nampak cantik di luar tetapi enjin tetap lama. Mugkinkah kita perlu kereta baru, teknologi enjin yang baru, lebih laju dan

menjimatkan tenaga," katanya.

Beliau berkata adalah menjadi hasrat kementerian membuka peluang seluas-luasnya kepada semua masyarakat dan warga pendidik malahan juga golongan berkepentingan dari luar kementerian untuk menyalurkan pendapat dan pandangan.

"Kerajaan yakin sumbangan pemikiran dan idea kreatif dapat mengupayakan inisiatif transformasi pendidikan bagi membentuk sistem pendidikan alaf baru yang relevan dan mapan," katanya.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut mengumumkan lima lagi anggota baru panel penilai bebas sistem pendidikan kebangsaan terdiri daripada Profesor Tan Sri Kamal Hassan, Datuk Dr Adi Badiozaman Tuah, Profesor Datuk Chuah Hean Teik dan Profesor Madya Dr N Rajendran.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657968>